

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA,  
PENGGAL KETIGA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : YB DATUK WIRA DR. MOHD HATTA BIN  
MD. RAMLI [ LUMUT ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan jumlah industri ekonomi gig yang berjaya dilahirkan dalam negara. Seterusnya apakah langkah proaktif Kementerian dalam melahirkan lebih ramai pemain dalam industri ekonomi gig ini. Berapa yang telah pun mendapat manfaat

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Ekonomi gig merupakan segmen ekonomi baharu yang menyokong pasaran buruh di Malaysia. Berbeza daripada ekonomi tradisional, ekonomi gig yang bercirikan pekerjaan yang fleksibel, sementara, atau tugas bebas (freelance jobs) dengan pendapatan dan waktu bekerja yang fleksibel adalah didorong oleh revolusi dan teknologi digital.
  
2. Berdasarkan Survei Tenaga Buruh bagi tahun 2019, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menganggarkan jumlah pekerja dalam industri ekonomi gig ialah sekitar 2.77 juta. Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) turut melaporkan sebanyak 115 platform digital dan 459,455 pekerja gig yang berdaftar dengan MDEC. Masih terdapat platform dan industri yang belum dikenal pasti menjadikan anggaran bilangan pekerja gig yang menggunakan platform digital adalah lebih tinggi.

3. AMBank Research turut menjangkakan ekonomi gig akan terus berkembang pada tahun 2020 selaras dengan kadar penganguran yang semakin tinggi. Kadar pemberhentian kerja yang tinggi ini menyebabkan platform ekonomi gig seperti Grab dan Food Panda mula menjadi kerjaya pilihan menyara kehidupan.
4. Melalui PENJANA, Kerajaan telah memperuntukan sejumlah RM75 juta untuk menyokong ekonomi gig ini melalui keselamatan sosial dan kebijakan golongan ini.
5. MEDAC melalui TEKUN Nasional juga turut menyokong perkembangan ekonomi gig di dalam ekosistem ekonomi negara dengan mewujudkan program TEKUN Mobilepreneur bagi membantu individu yang terkesan daripada wabak Covid-19.
6. Melalui program ini, TEKUN turut menyediakan pembiayaan khusus kepada individu yang berminat untuk melaksanakan perkhidmatan penghantaran melalui program TEKUN Mobilepreneur dengan kerjasama syarikat penghantaran seperti GrabFood, Food Panda, BungkusIT dan lain-lain. Untuk tujuan itu, pembiayaan maksimum adalah sehingga RM10,000 sebagai modal kerja, membaiki dan membeli motosikal. Sehingga 30 Jun 2020, seramai 215 individu telah menerima pembiayaan ini yang berjumlah RM402,000.
7. Kementerian juga akan mewujudkan aplikasi 'rider' baharu bagi memudahkan pengedaran produk pertanian dan perikanan khususnya dari luar bandar kepada pengguna dan pusat jualan. Usaha ini adalah bagi melengkapi sistem penghantaran barang selaras dengan perkembangan perniagaan cara baharu dengan memanfaatkan penggunaan teknologi.
8. Latihan dan bimbingan turut dilaksanakan oleh INSKEN bagi membantu rakyat melibatkan diri dalam bidang ekonomi gig antaranya melalui latihan dan bimbingan bagi penggunaan platform sosial seperti Instagram dan Telegram dalam memulakan perniagaan sendiri.

Sekian, terima kasih.